

Sekolah kebangsaan wajar menjadi pilihan ibu bapa

KOSMO 22/08/2019 M/S 21

SEKOLAH Kebangsaan merupakan salah sebuah entiti utama kepada proses pembelajaran awal kepada masyarakat di negara ini.

Semenjak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, terdapat lebih daripada 7,700 buah sekolah kebangsaan telah berjaya didirikan oleh pihak kerajaan di negara ini.

Antara sebab utama mengapa jumlah sekolah kebangsaan ini mencecah sehingga ribuan unit adalah disebabkan permintaan yang banyak daripada masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut.

Namun, senario sedemikian sudah mula berubah kerana pada hari ini, masyarakat Malaysia sudah mempunyai banyak pilihan menghantar anak-anak mereka untuk

Sudut Pandang

Oleh PROF. DATUK DR. MOHAMMAD SHATAR SABRAN
Pakar Sosial dan Naib Canselor,
Universiti Pendidikan Sultan Idris



sekolah boleh melaksanakan pelbagai inisiatif dalam pedagogi pengajaran mereka.

Penekanan perlu diberikan kepada pedagogi pengajaran yang mampu untuk menimbulkan keseronokan dalam kalangan pelajar semasa proses pembelajaran dijalankan.

Antara inisiatif yang boleh dilaksanakan untuk mencapai hasrat tersebut ialah melaksanakan konsep 3L.

Konsep 3L memberi penekanan kepada tiga kaedah utama dalam pembelajaran iaitu pembelajaran dengan melihat, melakukan serta mendengar.



SEKOLAH kebangsaan mampu memupuk generasi muda untuk memahami konsep perpaduan dengan menghormati antara satu sama lain. - Gambar hiasan

anak-anak mereka untuk mengikuti pengajian di peringkat ekoloh rendah.

Kewujudan sekolah swasta dan antarabangsa juga menambahkan lagi pilihan kepada ibu bapa untuk memilih jenis sekolah kebangsaan untuk anak-anak mereka.

Persaingan sebegini memberi impak positif kepada sekolah kebangsaan di negara ini.

Dengan adanya persaingan yang sihat seperti ini, ia mampu menjadikan sekolah kebangsaan lebih kompetitif dan cemerlang pada masa hadapan.

Justeru, usaha yang berterusan perlu dilakukan oleh semua pihak untuk memastikan sekolah kebangsaan terus menjadi sekolah pilihan kepada masyarakat walaupun terdapat persaingan yang hebat daripada sekolah antarabangsa dan swasta di negara ini.

Pembelajaran menyeronokkan

Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee Malik dalam ucapan awalnya sebagai Menteri Pendidikan telah menyarankan agar proses pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan secara santai dan menyeronokkan seperti yang dilakukan di beberapa buah negara maju seperti Finland, Jepun, Korea dan Amerika.

Bagi merealisasikan hasrat Kementerian Pendidikan, pihak

Pelajar akan merasakan dan melalui sendiri apa yang dipelajari menerusi ketiga-tiga pendekatan tersebut.

Sebagai contoh, untuk belajar mengenai serangga, pelajar sendiri akan pergi ke taman atau luar bilik darjah untuk mencari dan mengenal pasti serangga-serangga yang boleh didapati di kawasan yang terlibat.

Pelajar boleh melihat, menyentuh dan mendengar sendiri serangga-serangga yang ditemui semasa proses pembelajaran tersebut.

Perbincangan lanjut mengenai serangga yang dilihat, disentuh dan didengar boleh dibuat di lokasi kejadian ataupun dibawa balik ke bilik-bilik darjah untuk perbincangan selanjutnya.

Melalui kaedah 3L ini, pelajar bukan sahaja berasa seronok tetapi apa yang lebih penting mereka merasai dan menghayati sendiri apa yang dibincangkan pada hari tersebut.

Selain itu, pendekatan seperti ini mampu membantu meningkatkan ingatan pelajar dengan lebih baik.

Ramai dalam kalangan pakar motivasi dan psikologi berpendapat, menghukum bukanlah suatu kaedah yang terbaik untuk meningkatkan pencapaian ataupun motivasi pelajar.

Oleh yang demikian, untuk

membantu sekolah rendah menjadi pilihan masyarakat, budaya memberikan penghargaan kepada pelajar perlulah dipergiat di sekolah.

Kaedah memberi hukuman perlulah ditukar kepada kaedah memberi penghargaan walaupun pencapaian pelajar yang terlibat tidak begitu membanggakan.

Beri penghargaan

Kaedah *reverse psychology* ini memang berkesan untuk meningkatkan minat pelajar hadir kelas dan mengikuti pembelajaran dengan lebih bersemangat.

Selain inisiatif tersebut, penggiliran menjadi ketua kelas adalah antara kaedah yang boleh diaplikasikan untuk tujuan ini.

Melalui kaedah ini, semua pelajar di dalam kelas tersebut akan diberi peluang untuk menjadi ketua selama satu minggu.

Pendekatan seperti ini bukan sahaja mampu menjadikan pelajar tersebut rasa dihargai tetapi apa yang lebih penting mereka diberikan pendedahan dan peluang untuk belajar menjadi pemimpin dalam usia yang muda.

Dengan pendedahan seperti ini, tidak mustahil pada satu ketika nanti mereka mampu muncul sebagai seorang pemimpin yang hebat.

Melalui pendekatan ini, Malaysia merupakan sebuah negara yang memberi perhatian serius terhadap kepentingan pendidikan.

Semenjak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, telah banyak pelaburan telah disumbangkan oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan pembangunan dan kualiti pendidikan di negara ini.

Justeru, perkembangan prestasi dan kepercayaan masyarakat kepada sekolah kebangsaan, usaha dan inisiatif berterusan perlulah dilaksanakan agar kualiti dan imej sekolah kebangsaan ini terus meningkat pada masa hadapan.

Inisiatif utama yang mampu mengekalkan minat dan kepercayaan masyarakat adalah menjadikan pembelajaran di sekolah kebangsaan sebagai suatu perkara yang menyeronokkan.

Selain itu, kaedah hukuman perlulah ditukar kepada penghargaan agar kanak-kanak yang belajar di sekolah kebangsaan akan sentiasa berminat untuk hadir ke sekolah.

Seterusnya, struktur dan susunan bilik darjah yang sentiasa berubah dan fleksibel juga dapat menambah minat pelajar untuk hadir ke sekolah serta mengikuti pembelajaran dengan lebih bersemangat dan ceria.